

# Idea e-Site Inventory

**M**ENCERITAKAN usaha membangunkan inovasi itu, **Dr. Mohd. Johari Mohd. Yusof** berkata, pada awalnya beliau berdepan masalah mencari pengatur cara sehingga perlu memaklumkan dalam kumpulan WhatsApp rakan-rakan sekolah rendahnya Sekolah Kebangsaan Angkatan Tentera, Johor Bahru mengenai hasratnya mencari pengatur cara.

“Ketika itu tempoh untuk membangunkan inovasi ini semakin singkat.

Menerusi WhatsApp itu, seorang rakan sekolah rendah mencadangkan saya untuk menghubungi Mohd. Fakhrrurrazi. Alhamdulillah usaha itu kemudian berjalan lancar,” katanya

“Pengalaman yang saya lalui

dan kepayahan yang ditempoh pelajar membawa banyak peralatan dan pelan yang bersaiz besar telah mencetuskan idea untuk membangunkan e-Site Inventory,” katanya yang juga Timbalan Dekan Timbalan Dekan (Akademik, Antarabangsa dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penyelidikan aplikasi versi 1.0 tersebut bermula pada tahun 2014 dan memperoleh hak cipta pada tahun 2015.

Katanya, beliau kini dalam peringkat membangunkan e-Site Inventory versi 2.0 pula yang akan mempunyai kemudahan rakaman video, melakar menggunakan pelbagai warna serta mengukur ketinggian pokok atau bangunan.